

Jelaskan penipuan Pas kepada rakyat — PM

UM 27 MAY 2000

Oleh YUSRI SAHAT

JITRA 26 Mei — Perdana Menteri menggesa para pemimpin Barisan Nasional (BN) supaya memberi penerangan kepada rakyat mengenai jasa yang ditaburkan oleh kerajaan dan penipuan yang dilakukan oleh Pas selama ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau sering menjadi mangsa pembongkaran oleh parti pembangkang termasuk yang terbaru iaitu fitnah bahawa beliau menghina Nabi Muhammad s.a.w ketika berucap pada Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Beliau berkata, ucapannya telah dinutar belit dengan mengambil beberapa patah perkataan dalam ucapannya bagi membuktikan kononnya beliau telah menghina Rasulullah.

"Jika saya menghina Rasulullah, saya pasti akan diboo oleh lebih 2,000 perwakilan yang hadir pada perhimpunan agung itu," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada Majlis Mesra Parti Komponen BN Bersama

Perdana Menteri di Dewan Jitra di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, tindakan Pas menjalankan taktik kotor itu adalah semata-mata untuk membannkitkan perasaan benci rakyat kepada beliau dan BN.

Dr. Mahathir memberitahu, taktik yang dijalankan oleh parti pembangkang itu hampir mencapai matlamat pada pilihan raya umum tahun lalu apabila berjaya memenangi 25 kerusi Parlimen.

"Turut menjadi mangsa penipuan Pas ialah Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan DAP yang telah digunakan untuk meraih lebih banyak undi," jelasnya.

Pas juga, kata beliau, bijak membuat janji yang tidak mampu dilakukan olehnya ketika pilihan raya umum lalu.

Antara janji itu, menurutnya, ialah pelaksanaan hukum hudud ala-Pas di Kelantan dan Terengganu yang sehingga kini tidak berjaya ditunaikan.

Dr. Mahathir menjelaskan, pelaksanaan hukum itu tidak mendapat kelulusan Kerajaan Pusat kera-

na ia tidak mencerminkan undang-undang Islam yang sebenar.

"Orang Islam tidak takut kepada hukum itu tetapi orang Melayu yang melakukan jenayah seperti mencuri akan dipotong tanggar.

"Bayangkan orang bukan Islam yang mencuri dikenakan penjara tetapi orang Islam yang melakukannya akan dipotong tanggan," tegasnya.

Pelaksanaan

Perdana Menteri menegaskan, Kerajaan Pusat tidak akan meluluskan pelaksanaan hukum hudud kerana sistem yang hendak dijalankan oleh Pas itu tidak adil dan mungkin akan mencetuskan permusuhan kaum.

"Hukum hudud tidak zalim tetapi hukum yang hendak ditegakkan oleh Pas itu adalah zalim dan sebab itu kita tidak menyokongnya," tegasnya lagi.

Pas juga, kata beliau, menggunakan taktik yang sama untuk membohongi parti-parti pembangkang yang lain yang menjadi pakatannya untuk memperkukuhkan kedudukan-

nya sebagai parti paling kuat di Dewan Rakyat.

Dr. Mahathir memberitahu, DAP dan Keadilan adalah mangsa tindakan putar belit Pas sehingga parti yang mendakwa sebagai memperjuangkan Islam itu lebih kuat daripada parti pakatannya.

Berikutan taktik itu, menurut beliau, para pemimpin Pas mendapat keuntungan apabila berjaya menawan beberapa kerusi Parlimen pada pilihan raya umum tahun lalu.

"Hari ini, Pas menjadi parti pembangkang terbesar di Dewan Rakyat dengan memperoleh 25 kerusi Parlimen dan Presidennya, Datuk Fadzil Noor menjadi Ketua Pembangkang," katanya.

Beliau menambah, pakatan yang dianjurkan oleh parti-parti pembangkang itu sebenarnya tidak ikhlas sebagaimana yang wujud dalam BN.

"Lihatlah Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang berpelukan dengan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang. Mereka berpeluk erat tetapi di belakang masing-masing memegang pisau," katanya.